

Headline	Akhimullah timba ilmu hoki di Australia		
MediaTitle	Kosmo	Language	Malay
Date	22 Sep 2016	Readership	875,000
Circulation	197,202	Page No	61
Section	Sukan	Journalist	MUHAMMAD
ArticleSize	272 cm ²		
PR Value	RM 21,258		



Akhimullah timba ilmu hoki di Australia

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY
BADLISHAH

PENYERANG muda Terengganu, Muhammad Akhimullah Anuar Esook berpeluang menimba pengalaman di pentas antarabangsa selepas disenaraikan dalam barisan 18 pemain skuad pembangunan negara menghadapi Liga Hoki Australia (AHL) di Perth hujung bulan ini.

Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) bersama barisan kejurulatihan skuad pembangunan negara membuat keputusan itu selepas kagum melihat prestasi cemerlang Akhimullah dalam saingan Divisyen Satu Liga Hoki Malaysia (MHL) ketika ini.

Akhimullah, 16, yang beraksi untuk pasukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Thunderbolts kini mendahului senarai penjaring terbanyak Divisyen Satu MHL dengan 13 gol dan berpeluang menambah koleksi jaringan tersebut dalam aksi separuh akhir Piala Presiden selepas ini.

Ketua jurulatih skuad pembangunan negara, Erling Wallace Tan berharap pendedahan yang bakal diterima Akhimullah di Australia akan memanfaatkan perkembangan kariernya untuk masa depan Malaysia.

"Ini peluang terbaik buat Akhimullah menerima pendedahan sebesar ini. Saya memang mengikuti perkembangan dan prestasinya sejak Piala



USIA 16 tahun tidak menghalang Akhimullah (kiri) disenaraikan dalam skuad pembangunan negara bagi saingan AHL di Perth, Australia dari 29 September ini hingga 9 Oktober depan.

Tun Abdul Razak, Sukan Malaysia dan Divisyen Satu MHL.

"Dia berjaya menjaringkan gol dalam semua kejohanan dan buat masa ini, dua sudah ada 13 gol untuk saingan Divisyen Satu MHL. Ia bermakna Akhimullah mempunyai kebolehan dan potensi besar.

"Pendedahan tahap tinggi bagus untuk masa depannya kerana kami mahu 'mencipta' seorang penjaring gol yang baik. Jadi, saya harap dia akan memanfaatkan peluang ini," katanya sewaktu pengumuman pemain di Stadium Hoki Tun Razak, Jalan Duta kelmarin.

Selain Akhimullah, bekas penyerang skuad senior kebangsaan, Faizal Saari turut disenaraikan bersama pasukan pembangunan menghadapi saingan AHL yang akan bermula pada 29 September ini hingga 9 Oktober

depan.

Pengendali skuad senior kebangsaan, Stephen Van Huizen menyifatkan ia merupakan peluang terbaik buat Faizal membuktikan kemampuannya kerana AHL merupakan pentas pemilihan pemain ke Kejohanan Trofi Juara-Juara Asia di Kuantan, Pahang bulan depan.

Skuad pembangunan atau 'Malaysia Blue' dilantik dalam Kumpulan B bersama-sama pasukan remaja kebangsaan India, WA Thundersticks, ACT Canberra Lakers, SA Southern Hotshots dan Tasmania Tassie Tigers.

Pasukan senior kebangsaan atau *Malaysia Tigers* akan menentang juara bertahan AHL, Queensland Blades, Victoria Vikings, New South Wales Waratahs, NT Stingers dan skuad remaja kebangsaan New Zealand dalam saingan Kumpulan A.